



TADIKA NUR PINTAR BESTARI (J5AA084)

15, Jalan Sena 2, Taman Rinting,
81700 Pasir Gudang, Johor. ☎: 019-7339070

Laman Web : <http://pintarbistari.edu.my>

Email : pintarbistari@gmail.com

Kepada :
Ibubapa /Penjaga

Tarikh : 27 Disember 2018
: 12 Rabiul Akhir 1440
Ruj : TNPB 01/19

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Tuan / Puan

PER : MAKLUMAN JANUARI 2019

1. CUTI KHAS

Cuti Khas ini diberikan kepada semua murid pada **1 Januari 2019 (Selasa)** bagi membolehkan ibu bapa menguruskan persekolahan anak-anak yang lain. Walaubagaimanapun tadika akan beroperasi seperti biasa pada hari tersebut. (8.00 pagi ~ 5.00 petang).

2. JADUAL WAKTU

- a) Bersama-sama ini disertakan jadual waktu bagi setiap kelas. Jadual ini akan digunakan mulai **6 Januari 2019 (Ahad)**.
- b) Ibu bapa diminta **menyemak jadual** anak-anak setiap hari bagi mengelakkan ada buku yang tertinggal.
- c) Bagi hari yang mempunyai subjek Pendidikan Jasmani (PJ) dan aktiviti renang (mengikut jadual renang), pelajar mestilah **memakai pakaian sukan dari rumah. Uniform tidak perlu dibekalkan.**

3. LAMPIRAN PERATURAN TADIKA

- a) Bersama ini disertakan lampiran **Peraturan Tadika & Dasar Kutipan Yuran bagi tahun 2019**.
- b) Ibu bapa diminta membaca dengan teliti segala peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak tadika.
- c) Sila pulangkan keratan yang disertakan untuk dimasukkan ke dalam fail peribadi murid

4. CUTI HARI THAIPUSAM

Tarikh bercuti : 21 Januari 2019 (Isnin).

Tadika akan beroperasi seperti biasa pada 22 Januari 2019 (Selasa).

5. PERKHIDMATAN VAN

- a) Bayaran van hendaklah dibuat secara terus dengan pemandu **tanpa melalui pihak tadika.**
- b) Pelajar diminta menunggu di luar rumah / lorong dengan berpakaian lengkap.
- c) **Senarai harga tambang van terkini, sila rujuk kepada Guru Besar**

6. PARENTING PROGRAM & SUBJEK PENERANGAN BACALAH ANAKKU (MURID 5 TAHUN) DAN SEMPOA (MURID 6 TAHUN).

Sila lihat lampiran yang disertakan bersama-sama makluman ini.

7. SESI BERGAMBAR KELAS

- Sesi bergambar untuk semua kelas (pagi & petang) akan diadakan pada **28hb Januari 2019 (Isnin). Gambar ini akan dimasukkan di laman web tadika.**
- Bagi kelas-kelas yang ada aktiviti Pendidikan Jasmani (PJ) pada hari tersebut, aktiviti ini akan dibatalkan dan semua murid **dikehendaki memakai uniform tadika** . Sila pastikan anak-anak hadir pada hari tersebut.

Sekian, untuk makluman. Ibu bapa diminta **menyimpan surat makluman** yang diedarkan pada setiap bulan bagi rujukan tuan/puan. Kerjasama & perhatian dari tuan/puan amat diperlukan. Jika terdapat sebarang pertanyaan & kemusykilan, sila hubungi pihak tadika. Terima kasih.

'Bersatu Untuk Mendidik'

Yang benar,
MyBistari Group